



NOTA PERCAKAPAN

**YBHG. DATO' DR. HAJI MEGAT SANY BIN MEGAT
AHMAD SUPIAN, TKSU (D)**

**SESI PENYERAHAN FUNGSI SEKRETARIAT MTVET
DARI KPT/JPPKK KE KSM/JPK**

11 JANUARI 2023 (RABU)

11.30 PAGI

SESI PENYERAHAN FUNGSI SEKRETARIAT MTVET DARI KPT/JPPKK KE KSM/JPK

Kata Aluan

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan
salam sejahtera.

YBhg. Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar,
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), KSM
YBrs, Encik Siva Kumar Solay Rajah, Setiausaha Bahagian
Dasar, KSM

YBrs. Ts. Dr. Mohamad bin Sulaiman, Ketua Pengarah,
Jabatan Pembangunan Kemahiran, KSM

YBrs. Dr Mohd Zahari Ismail, Ketua Pengarah JPPKK,

YBrs. Dr. Wan Baharudin Bin Wan Mahmood, Setiausaha
Bahagian Dasar, SUB (D), KPT

YBrs. Dr Mohd Samsuri bin Abdullah , Pengarah BKTVET
merangkap Timbalan Ketua Pengarah (P) JPPKK,
Encik Mohd Noor bin Shahudin, Pengarah Kanan(Akademik)
Pengarah-pengarah Bahagian JPPKK,
tuan-tuan dan puan-puan saya hormati sekalian.

1. Bersyukur kita ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia serta inyahNya dapat kita berkumpul bersama-sama dengan para tetamu dari Kementerian Sumber Manusia bagi menyempurnakan majlis ringkas penyerahan fungsi Sekretariat Majlis TVET Negara. Terima kasih diucapkan kepada delegasi KSM yang sudi hadir dalam majlis ini.
2. Sebagaimana YBhg. Datuk dan para hadirin sedia maklum, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 7hb Disember 2022 telah memutuskan bahawa fungsi Sekretariat Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Negara (MTVET) dipindahkan dari Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) ke Kementerian Sumber Manusia (KSM). Sehubungan itu, majlis penyerahan fungsi secara rasmi ini diadakan bagi menyerahkan dokumen berikut :
 - a. Surat Penyerahan dan Akuan Terima Nota Serah Tugas
 - b. Fungsi Tugas dan Kedudukan Terakhir Tugas-Tugas yang Belum Selesai Sehingga 31 Disember 2022
 - c. Fail Mesyuarat Majlis TVET Negara, Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif dan Mesyuarat Kumpulan Fokus
 - d. Fail Kumpulan Fokus: Governan, Industri, Pembiayaan, Kualiti dan Penjenamaan
 - e. Dokumen Surat-Menyurat
 - f. Fail Kertas Pertimbangan

3. Terdapat pelbagai perancangan serta inisiatif Majlis TVET Negara yang telah ditelah dilaksanakan, sedang dilaksanakan dan yang bakal dilaksanakan ketika Sekretariat MTVET ini dibawah kawal selia KPT. Sehubungan itu, saya bagi pihak KPT, berharap, segala perancangan serta initiatif yang telah disenaraikan seperti dalam dokumen penyerahan serah tugas, tidak terhenti di situ sahaja, bahkan dapat diteruskan dengan penambahbaikan yang bakal dilaksanakan oleh KSM demi memperkasakan agenda pendidikan TVET negara.

4. Untuk makluman pihak KSM dan hadirin sekalian, KPT akan sentiasa memberikan sokongan sepenuhnya ke atas apa jua usaha bagi memartabatkan pendidikan TVET ini tanpa mengira kementerian mana yang menjadi penerajuinya demi masa hadapan generasi akan datang. Kerjasama semua pihak terutamanya KPT dan KSM amat penting bagi untuk memastikan agenda pemerkasaan TVET dapat dilaksanakan selari dengan keperluan zaman ini.

5. Bak kata pepatah lama, ‘bulat air kerana pembetong, bulat manusia kerana muafakat’ . Ia menunjukkan kesepakatan dan keakraban yang terbentuk antara individu atau organisasi dalam satu pasukan akan membawa hasil yang membanggakan. Kerjasama yang wujud dalam kalangan ahli pasukan sama ada dalam kehidupan atau organisasi walaupun

hakikatnya kita dari organisasi yang berbeza pada dasarnya tetapi matlamat kita adalah sama. Oleh itu, muafakat memang tidak dinafikan penting bagi memastikan kejayaan pencapaian matlamat tersebut. Kekuatan Sekretariat MTVET bergantung kepada kekuatan pasukan kita semua yang mendokongi antara satu sama lain demi menjayakan aspirasi national agenda pemerksaan TVET negara .

Sekian , Terima Kasih.